

19 OCT 2001

Belanjawan-MTUC

MTUC ANGGAP BELANJAWAN SOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menganggap Belanjawan 2002 sebagai menyokong pertumbuhan dan mengambil kira persekitaran luaran serta kesannya kepada keadaan sosio ekonomi Malaysia.

"Kami menyokong penuh usaha kerajaan untuk membantu syarikat yang mengalami kerugian menerusi permodalan semula bagi melindungi aset dan menyelamatkan pekerjaan pekerja mereka," kata presiden MTUC Zainal Rampak dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau meminta majikan sektor swasta mengikut langkah sektor awam dengan menyediakan pendidikan dan latihan untuk pekerja mereka dan bukannya memberhentikan mereka.

Mereka harus berperanan sebagai warga korporat yang bertanggungjawab untuk membantu negara menghadapi cabaran-cabaran ekonomi, katanya.

"Dengan Perdana Menteri menawarkan kenaikan gaji 10 peratus untuk kakitangan awam serta bonus setengah bulan gaji atau minimum RM1,000, majikan sektor swasta harus melakukan yang sama untuk memberikan pekerja mereka gaji dan faedah yang lebih baik," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Zainal berkata kenaikan gaji itu adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan perbelanjaan dalam negeri.

Beliau berkata langkah demikian membolehkan lebih banyak barangan keluaran tempatan dibeli selain mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang dapat mempercepatkan proses pemulihan ekonomi.

--BERNAMA

FA ZS NAK